



14 SEP, 2024

Ikrar bawa perabot, jaring ikan tapi seludup arak

Sinar Harian, Malaysia



Page 1 of 2



Norlela (dua dari kiri) menunjukkan minuman keras yang dirampas JKDM di Pelabuhan Klang baru-baru ini.

Ikrar bawa perabot, jaring ikan tapi seludup arak

Kastam tahan dua kontena sorok minuman keras bernilai RM305,000

Oleh MUHAMMAD AFHAM RAMLI
PELABUHAN KLANG

Taktik sindiket penyeludupan membawa masuk minuman keras melalui Pelabuhan Utara di sini dengan mengikrarkan sebagai barang perabot dan jaring ikan terbongkar, baru-baru ini.

Penolong Ketua Pengarah Kastam Zon Tengah, Norlela Ismail berkata, dua kes yang direkodkan itu melibatkan rampasan 4,902 liter minuman keras dengan nilai RM305,000 termasuk cukai dan duti.

"Kes pertama direkodkan pada 30 Ogos kira-kira jam 5.15 petang selepas pasukan operasi daripada Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Zon Tengah Unit I berjaya menggagalkan cubaan membawa masuk 1,372 liter minuman keras disyaki tidak ber-kastam melalui penahanan sebuah kontena.

"Sindiket membuat pengikraran yang tidak benar iaitu perabot di Borang Kastam 1 bagi mengaburi pihak berkuasa, selain meletakkan dagangan di bahagian belakang kontena bersama barangan lain," katanya dalam kenyataan pada Jumaat.



Pegawai JKDM Zon Tengah memeriksa rampasan minuman keras tidak bercukai di Pelabuhan Klang, baru-baru ini.

Bagi kes kedua pula, beliau berkata, sebuah kontena ditahan pihaknya kira-kira jam 8.20 malam pada 2 September lalu.

Menurutnya, pemeriksaan menemui 3,530 liter minuman keras disyaki tidak bercukai.

"Siasatan mendapati sindiket

RAMPASAN

Kontena pertama

- Ikrar bawa perabot
- Sorok 1,372 liter arak

Kontena kedua

- Ikrar bawa jaring ikan
- Sorok 3,530 liter arak

membuat ikrar palsu di Borang Kastam 1, dengan dagangan tersebut diikrarkan sebagai jaring ikan dari negara jiran," ujarnya.

Tambah beliau, siasatan kedua-dua kes itu dijalankan mengikut Seksyen 135(1)(d) Akta Kastam 1967.

Ujarnya, orang ramai digesa membantu JKDM memerangi jenayah penyeludupan khususnya rokok, minuman keras, mercun, dadah, kenderaan dan lain-lain serta dinasihatkan tidak membabitkan diri dengan kegiatan tersebut.

"Penyeludupan bukan sahaja merugikan negara dari segi ketirisan hasil, malah ia turut mendatangkan ancaman kepada keselamatan negara dan kesejahteraan rakyat," ujarnya.



14 SEP, 2024

Ikrar bawa perabot, jaring ikan tapi seludup arak

Sinar Harian, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

Norlela (dua dari kiri) menunjukkan minuman keras yang dirampas JKDM di Pelabuhan Klang baru-baru ini.

Kastam tahan dua kontena sorok minuman keras bernilai RM305,000

Taktik sindiket penyeludupan membawa masuk minuman keras melalui Pelabuhan Utara di sini dengan mengikrar sebagai barang perabot dan jaring ikan terbongkar, baru-baru ini. Penolong Ketua Pengarah Kastam Zon Tengah, Norlela Ismail berkata, dua kes yang direkodkan itu melibatkan rampasan 4,902 liter minuman keras dengan nilai RM305,000 termasuk cukai dan duti.